

~~UCAPAN 2 ADHO~~

~~384 - 3/80~~

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,

DATUK HUSSEIN ONN, DI UPACARA

PEMBUKAAN HOSPITAL DAERAH MACHANG,

KELANTAN, PADA HARI AHAD 5HB. MAC,

1978 - JAM 10.30 PAGI.

1. Yang Amat Berhormat
Datuk Haji Mohamed Nasir,
Menteri Besar Kelantan.

2. Yang Berhormat Menteri Kesihatan
Tan Sri Chong Hon Nyan.

Ahli²

3. ~~Yang Berhormat Menteri-Menteri dan
Timbalan-Timbalan Menteri.~~

*4. yang Berbahagia
Setiawan
Kerajaan*

5. yang Berbahagia Doktor², Jururawat² serta
4. ~~Yang Mulia Dr. Raja Ahmad Nordin,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan.~~

pegawai² Hospital yang lain

7.5. Tuan-tuan dan Puan-puan sekelian.

5. *DR. Lini*

*Pengarah Perkhidmatan
Perubatan dan Kesihatan
negeri Kelantan.*

Saya bersyukur kerana dapat ber-
sama-sama hadir di Majlis ini, dan seterusnya
meresmikan pembukaan Hospital Daerah Machang
ini. Saya mengucapkan terima kasih serta

setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Kesihatan, khususnya Tan Sri Chong Hon Nyan, kerana memberi penghormatan ini kepada saya.


2. Pembinaan Hospital Daerah Machang ini, merupakan salah-satu rancangan pembinaan bangunan hospital dan kelinik, yang diselenggarakan di Kelantan, di bawah Rancangan Malaysia Ke Tiga. Disamping lain-lain ^{Pusat} proqram pembangunannya, Kerajaan menitikberatkan perkhidmatan kesihatan yang sempurna di seluruh negara. Kemudahan-kemudahan kesihatan dan perubatan, adalah diperluaskan

di kawasan-kawasan luar bandar, di mana pada masa-masa yang lampau, perkhidmatan seperti ini tidak terdapat langsung.

Penduduk-penduduk yang miskin yang tinggal di kampung pendalaman, terpaksa berjalan berbatu-batu untuk mendapatkan rawatan.

3. Disamping membina kelinik-kelinik dan pusat-pusat kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar, bagi kemudahan penduduk-penduduk ^{Pusat} desa, Kerajaan telah mengadakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan bergerak (mobile),

dengan menggunakan van dan Land Rover atau motorbot, bagi penduduk-penduduk kampung-kampung yang tinggal di tepi Sungai, Pantai dan di Pulau-Pulau.

4. Perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang menyeluruh dan yang lebih baik, disediakan bagi menjamin keadaan kesihatan rakyat yang baik, terutama petani, nelayan dan pekerja-pekerja, supaya  dapat menambahkan daya pengeluaran hasil-mahsul negara. Keadaan kesihatan yang tidak baik di kalangan golongan ini, sudah pasti akan menjejaskan, bukan sahaja

mata pencarian dan penghidupan keluarga mereka ini, bahkan pengeluaran negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

5. Sebelum kemerdekaan, penyebaran, mutu dan jumlah perkhidmatan perubatan dan kesihatan, adalah ^{berbeza} ~~berbeda~~ dari satu negeri ^{ke satu} ~~dengan~~ negeri, ~~yang lain~~ dan dari satu daerah ke satu daerah di dalam sesebuah negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan ^{Pusat} yang dipilih oleh rakyat sejak tahun 1957, menghadapi satu tanggungjawab yang besar, bagi memperbaiki penyebaran yang

dan mewujudkan
tidak rata, antara kawasan luarbandar dan kawasan bandar. Dalam pada itu, usaha-usaha juga dijalankan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan, serta menyamaratakan dari segi jumlahnya di kalangan berbagai negeri.

Selama 20 tahun yang lalu, banyak perubahan telah diadakan dalam bidang ini. Rancangan dan projek kesihatan dan perubatan, yang di-
kan
laksana/di bawah Rancangan Malaysia Ke Dua, dan yang diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Ke Tiga, adalah bertujuan mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru, iaitu membasmi

dan mewujudkan kemiskinan/ perseimbangan perkhidmatan ini.

Kesihatan adalah asas yang kukuh bagi membentuk satu bangsa yang bersatu, maju, makmur dan kuat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekelian.

Pusat

6. Kerajaan ^{*Pusat*} berazam menyediakan dan mengadakan perkhidmatan sebuah hospital bagi tiap-tiap daerah di negara ini. Di Kelantan pada masa ^{*ialah 1.1.*} ini, ~~ada~~ nisbah ~~1.1~~ katil hospital ^{*Pusat*} bagi tiap-tiap 1,000 orang penduduk. Kerajaan ^{*Pusat*} telah pun merancang supaya tiap-tiap 1,000 orang penduduk, hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua katil hospital. Negeri Kelantan telah pun

Pusat

menikmati munafaat dari dasar Kerajaan ini.

Bagi mencapai matalamat ini, enam buah hospital baru, berharga 60 juta ringgit, telah pun diluluskan bagi negeri Kelantan. Pada hari ini, Hospital Machang telah pun dapat disiapkan. Dua hospital lain, iaitu Hospital Besar Kota Bahru yang baru di Kubang Krian, dan hospital Tanah Merah, sedang dalam pembinaan, sementara dua lagi, iaitu di Tumpat dan Pasir Mas, sedang diperingkat perancangan. Hospital yang ke enam akan dibina di Pasir Putih.

7. Apabila semuanya ini siap kelak.

..9/-

dalam beberapa tahun lagi, Kelantan akan mempunyai perkhidmatan dan kemudahan perubatan *negri-negri yang lain.* sama seperti ~~mana-mana negeri lain~~. Lebih ramai lagi doktor akan dihantar ke Kelantan, dan dengan itu, akan menambahkan lagi nisbah penduduk dengan doktor. Ibu-ibu yang mengandung *dan* yang perlu bersalin di hospital, tidak payah lagi berjalan jauh untuk mendapatkan kemudahan dan rawatan itu. Semuanya ini, akan meningkatkan hidup lagi mutu dan keadaan/rakyat di negeri ini, di samping dapat pula menyediakan lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan bagi orang-orang tempatan.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN.

7A. KERAJAAN PUSAT YANG DI-KUASAI OLEH BARISAN NASIONAL, MEMPUNYAI HASRAT DAN AZAM YANG KUAT, UNTUK MEMBAWA KEMAJUAN DAN KEMAKMORAN KEPADA RAKYAT NEGERI INI. BERBAGAI PROJEK BESAR DAN KECIL TELAH PON DI-RANCANGKAN BAGI NEGERI KELANTAN, YANG AKAN DI-LAKSANAKAN SEBAIK-BAIK SAHAJA RAKYAT NEGERI INI MEMBERIKAN MANDET DAN KEPERCAYAAN PENUH MEREKA KEPADA BARISAN NASIONAL PADA ~~11~~

11HB MAC INI.

7B. LAWATAN SAYA KE KELANTAN KALI INI ADALAH KHUSUS UNTUK MENYAMPAIKAN IKRAR INI, SERTA HENDAK MEYAKINKAN SENDIRI KEPADA RAKYAT NEGERI INI TERHADAP HASRAT DAN NIAT SUCI BARISAN NASIONAL BENAR-BENAR HENDAK MENOLONG DAN MEMBANTU RAKYAT NEGERI INI. ~~OLEH ITU PILIHAN CALON-CALON~~

~~BARISAN NASIONAL BAGI MEMPASTIKAN PENCAPAIAN HASRAT DAN CITA-CITA INI.~~

7 C. SEBAGAIMANA KITA SEKELIAN TELAH DAPAT SAKSIKAN, BAHAWA KEMAJUAN TELAH PUN DAPAT DI-CAPAI DALAM MASA YANG SINGKAT BARISAN NASIONAL MEMEGANG TERAJU KERAJAAN NEGERI KELANTAN SEJAK TAHUN 1974. BAGI MENERUSKAN USAHA-USAHA INI, BARISAN NASIONAL MEMERLUKAN SOKONGAN SELANJUTNYA DARI RAKYAT. SAUDARA-SAUDARA SEKELIAN MESTILAH MEMPASTIKAN, SUPAYA BARISAN NASIONAL KELANTAN INI DAPAT TERUS MENTADBIRKAN NEGERI/ ^{SUPAYA} ~~BAGI MEMBOHEMAN~~ PERSEFAHAMAN DAN KERJASAMA ERAT, YANG TELAH WUJUD DI-ANTARA KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN PUSAT, DAPAT DI-PELIHARA DAN DI-KEKALKAN.

7 D. SAYA HARAP RAKYAT NEGERI KELANTAN MEMAHAMI KERANA LAIN HAKIKAT INI, / JIKA PARTI ~~YANG~~ MEMEGANG PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI ~~PIDAK SEALIRAN~~ PEMIKIRANNYA ~~DENGAN~~ ^X ~~DENGAN~~ ~~DASAR~~ ~~KERAJAAN~~ ~~PUSAT~~ ~~DARI~~ ~~BARISAN~~ ~~NASIONAL~~, MAKA HASRAT DAN CITA-CITA SUCI KITA ITU, TENTU-LAH ^{susah} ~~SUKAR~~ UNTUK DI-LAKSANAKAN.

TUAN- TUAN DAN PUAN- PUAN SEKELIAN.

8. Dengan siapnya hospital yang moden dan baru di Machang ini, Kerajaan Pusat telah dapat membawa perkhidmatan yang lebih baik kepada penduduk-penduduk Machang, iaitu kemudahan rawatan moden yang diperlukan. Saya penuh yakin ^{bahwa} hospital ini, akan dilengkapkan sepenuhnya, supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada rakyat di daerah ini.

9. Disamping rancangan pembinaan hospital-hospital di Kelantan dan di lain-lain tempat di negara ini, Kerajaan ^{Pusat} akan juga menambahkan

bilangan perkhidmatan perubatan luar bandar
di semua negeri. Di Daerah Machang ini sendiri,
akan ditambahkan lagi jumlah kemudahan kesih-
hatan desa. Sungguhpun rancangan-rancangan
ini, akan melibatkan perbelanjaan wang yang
banyak, tetapi ia merupakan satu pelaburan
yang besar, bagi menyediakan rawatan perubatan
dan kesihatan yang diperlukan oleh rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

10. Perkembangan perkhidmatan perubatan
dan kesihatan ini, telah pun dijalankan dengan

PESATNYA. PERKHIDMATAN DAN KENUDAHAN INI,
TELAH MEMBERI FAEDAH DAN MENAFAAT YANG
BESAR KEPADA PENDUDUK LUAR BANDAR.

IA JUGA TELAH MENINGKATKAN TARAF
KESIHATAN RAKYAT NEGARA KITA.

RANCANGAN-RANCANGAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
YANG MENYELURUH INI, TERMASUKLAH PEMBASMIAN
MALARIA, PENGAWALAN BATUK KERING, KUSTA,
PELALIAN DAN KESIHATAN KELUARGA. WALAUPUN
KEMAJUAN TELAH DICAPAI, KERAJAAN. *Pusat*.....

akan terus berusaha bagi memajukan, serta mengembangkan perkhidmatan ini, dengan lebih luas lagi, supaya setiap rakyat dapat menikmati faedahnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

11. Sistem penyebaran kesihatan di Malaysia *luar biasa* adalah '~~unik~~', di mana kita menggunakan kombinasi yang sesuai, diantara pegawai-pegawai

Ikhtisas dan pegawai-pegawai Separa Ikhtisas, dibidang perubatan, kesihatan dan pergigian.

Dengan kombinasi seperti ini, kita telah pun

berjaya untuk menyampaikan berbagai perkhidmatan,

bukan saja untuk kepuasan orang awam, tetapi juga telah berjaya untuk mencapai matalamat-matalamat berbagai rancangan-rancangan kesihatan.

12. Dengan cara ini, kita telah dapat menjimatkan kemahiran dan kepandaian kita, kepada kawasan-kawasan di mana ianya boleh dipergunakan sepenuhnya. Kakitangan-kakitangan Separa Ikhtisas (Para-medical) kita, telah diberi latihan yang sempurna, bagi menjalankan khidmat perubatan, kesihatan dan pergigian

yang berkesan. Dengan cara inilah, Kerajaan *Pusat* telah dapat mengembangkan perkhidmatan dengan pesat ^{*nya*} ~~sekali~~ di seluruh ^{*negara.*} ~~negeri~~.

13. Dalam hubungan ini, saya sukalah mengambil kesempatan ini, melahirkan penghargaan saya kepada pegawai dan kakitangan perubatan dan kesihatan, di atas dayausaha dan khidmat mereka merancang dan mengendalikan perkhidmatan dan rawatan kepada rakyat. Dengan ^{*nya yang*} khidmat ~~cemerlang,~~ ~~mereka itu~~ mereka telah memberikan sumbangan yang amat berguna bagi memastikan keadaan kesihatan ~~umum~~ yang baik di kalangan rakyat.

14. Akhirnay, saya sukalah menyeru penduduk Machang supaya datang dan menggunakan sepenuhnya, segala kemudahan perubatan yang disediakan oleh hospital baru ini, supaya perbelanjaan yang besar yang telah dilaborkan di hospital ini, dapat benar-benar membawa munafaat kepada daerah ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

15. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya, meresmikan pembukaan Hospital Daerah Machang ini.

Terima kasih.



No Siri 346
No Penerimaan 144/80

346